

# DASAR LUAR MALAYSIA



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA





PUSTAKA PERDANA



1010122



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

*Kenyataan mengenai dasar luarnegeri Malaysia  
oleh Y.A.B. Perdana Menteri, Tun Haji Abdul  
Razak bin Hussein di-Dewan Ra'ayat pada 26hb.  
Julai, 1971.*

Dari pertanyaan2 yang di-kemukakan dalam sidang Dewan ini, saya mengambil kesimpulan bahawa terdapat kechenderongan yang menyeluruh di-kalangan ahli2 Dewan kita, terutama-nya perkembangan2 terakhir dalam perhubungan kita dengan Republik Ra'ayat China. Saya sukachita ada-nya kechenderongan ini oleh kerana apa yang kita buat atau pun sa-balek-nya di-bidang dasar luar negeri boleh menyentoh keselamatan dan ketetapan negara di-masa hadapan.

Saya ingin mengingatkan bahawa dasar luar negeri bukanlah merupakan suatu kemewahan yang boleh di-permudah2kan sa-bagai pernyataan simbolik kemerdekaan sa-sabua2 negara. Sa-balek-nya, dasar luar ada-lah merupakan garis pertama benteng pertahanan negara. Bagaimana pun, saya perhatikan juga sa-tengah2 soalan yang di-kemukakan oleh ahli2 mendedahkan salah faham dan keraguan mereka mengenai perkembangan2 dalam dasar luar negeri Kerajaan. Dengan sebab itu-lah saya berharap kenyataan saya ini akan menghapuskan sa-barang salah

pengertian demi menghilangkan kebimbangan yang mungkin ada di-kalangan ahli2 serta orang ramai 'am-nya.

### **SIKAP BARU CHINA**

Tidak-lah boleh di-nafikan bahawa suasana politik di-Asia Tenggara ini sentiasa bertukar ganti. Tegas-nya, ketenteraman dan kesetabilan ada-lah maseh jauh. Faktor2 politik rantau ini telah banyak berubah dan ada-lah jelas natijah2 baru mulai munchul menggantikan-nya. Sa-tengah2 dari sifat2 politik rantau ini sa-puluh tahun yang lepas telah pun hilang dan kelihatan sifat2 baru munchul di-ufuk langit. Saya sebutkan sa-bagai chontoh pengundoran tentera Inggeris dari wilayah Malaysia/Singapura — meskipun berubah sadikit sa-telah Parti Conservative memenangi Pilihanraya bulan Jun tahun lalu. Bagitu juga Amerika Sharikat beransor2 meninggalkan wilayah Indo-China. Di-samping itu kita melihat Jepun yang sa-makin bertambah kuat, sambil meluaskan pengaruh-nya di-luar dari bidang perdagangan sa-mata2.

Namun yang maha penting di-atas segala2-nya ia-lah sikap baru China mengenai dasar luar-nya, sementara tampil ka-depan sa-tapak demi sa-tapak ka-gelanggang politik sa-rantau dan antara-bangsa. Penukaran sikap China ini bermula senyap2 dalam beberapa bulan ini dengan langkah “ping-pong diplomacy” sambil menjalankan langkah2 lain dengan waspada. Kemunchak dari kegiatan2 ini ia-lah pengumuman Dr. Kissinger yang mengejutkan minggu lalu mengenai pertemuan rahasia-nya dengan Perdana Menteri Chou En-Lai bagi mengatorkan lawatan Presiden Nixon ka-Peking.

### **DASAR PERKECHUALIAN**

Dari peristiwa2 ini ada-lah nyata bahawa dunia kita sekarang amat berbedza dari keadaan masa beberapa tahun dulu, bahkan lebeh tepat kalau di-katakan berbedza dari suasana

hanya beberapa bulan yang lalu. Memandang pada keadaan ini, amat-lah mustahak bagi kita semua memahami sa-jelas2-nya pertalian dan sebab musabab peristiwa2 ini — the forces at play — supaya kita dapat membentok satu dasar luar negeri yang berhati2, bertalian dan berpandangan jauh sa-jajar dengan prinsip2 negara dan kepentingan asasi kita untok menjamin keselamatan dan kesetabilan negara ini.

Dengan kerana itu-lah manakala saya mengambil-aleh jawatan Perdana Menteri bulan September lalu, saya telah mengarahkan mereka yang berkenaan supaya mengkaji semula persoalan2 dasar luar/ negeri, dan khas-nya, mengenai peristiwa2 dan perkembangan2 baru di-rantau ini. Berasaskan kajian2 ini-lah saya telah mengemukakan keutamaan2 baru dasar luar negeri dan harapan2 kita, bukan saja kepada Dewan ini bahkan kepada kesempatan2 lain. Dalam hubongan ini, saya menegaskan bahawa dasar luar kita berasaskan prinsip2 berkechuali atau non-alignment. Ini bukan-lah sa-mata2 di-maksudkan sebagai satu kenyataan prinsip sa-mata2 — moralistic statement of principle. Sa-benar-nya ini juga berasaskan perhitungan realisma dan kepentingan negara kita. Berpegang kepada kepercayaan asasi ini-lah kita mengujudkan dasar perkechualian rantau Asia Tenggara ini.

Memandang pada keadaan sa-keliling kita, dapat-lah dipastikan bahawa rantau Asia Tenggara ini belum pernah merasai keamanan dan ketenteraman sa-lama dua deked yang lepas. Sa-balek-nya, negara2 rantau ini sentiasa dalam keadaan bergolak di-sebabkan oleh champor tangan kuasa2 besar dalam urusan rumah-tangga mereka. Ada-lah jelas kepada saya bahawa keamanan dan ketenteraman hanya boleh di-kekalkan menerusi dasar perkechualian yang akan menjamin negara2 rantau di-jadikan medan pertarongan kuasa2 barat bagi kepentingan mereka.

Sa-lanjut-nya ada-lah nyata juga bahawa dasar perkecualian ini hanya boleh berjaya sa-kira-nya dasar itu mendapat sambutan dan sokongan — atau lebeh tepat lagi, jaminan dari kuasa2 besar ia-itu China, Soviet Union dan Amerika Sharikat. Bagai-mana pun, ada-lah mustahak terlebeh dahulu negara2 di-rantau ini mengadakan suasana yang wajar supaya membawa kebulatan bagi gagasan ini dan menunjukkan bahawa Asia Tenggara yang berkecuali akan benar2 memenohi kepentingan2 halal kuasa2 besar itu.

### SATU-CHINA

Satu lagi natijah yang nyata dalam tempoh dua deked yang lalu ini ia-lah pengasingan Republik Ra'ayat China dari memainkan peranan-nya di-bidang politik regional dan internasional. Sa-sungguh-nya negara itu di-asingkan sama sa-kali dari gelang-gang antara-bangsa. Saya tidak-lah berchadang hendak menyelideki sebab musabab-nya, apa-tah lagi hendak menyalahkan sa-suatu pehak. Hanya saya ingin menyatakan pendapat kita bahawa pengasingan China dari menjalankan peranan-nya itu tidak-lah sehat, tidak realistik dan singkat pandangan. Dengan kerana itu Malaysia telah menegaskan peri mustahak-nya ke-masokan Republik Ra'ayat China ka-Pertubohan Bangsa2 Bersatu di-mana ia akan memainkan peranan yang sa-wajar-nya.

Bagaimana pun, suka-lah saya menerangkan kapada Dewan ini dasar kita terhadap China dengan sa-jelas2-nya. Dasar kita bukan-lah Dasar Dua-China atau pun Dasar Satu-China satu Taiwan. Sa-benar-nya dasar kita ia-lah Satu-China, dengan pengertian bahawa ra'ayat Taiwan hendak-lah di-beri hak menentu-kan nasib hari depan mereka. Saya telah pun menerangkan dasar ini berkali2 pada masa sudah2 tetapi nampak-nya dari soalan2 di-Dewan ini maseh terdapat salah faham dan keraguan mengenai hal ini. Saya berharap dengan keterangan ini dasar Kerajaan itu di-fahami sa-penoh-nya. Berasaskan ini-lah kita

mempertahankan pendirian ia-itu Republik Rakyat China sepatutnya menduduki kerusi-nya yang hak di-Bangsa2 Bersatu.

Di-bidang hubungan dua pehak atau bilateral, perhubungan Malaysia dengan China sekarang ini biar-lah pada peringkat tidak rasmi bagi mengendalikan urusan perdagangan. Soal mengadakan hubungan diplomatik akan di-pertimbangkan sa-bagai perkara lain kelak.

## HIDUP BERSAMA

Bagaimana pun, mustahak-lah di-ingat bahawa ada-lah dasar Kerajaan mengadakan hubungan diplomatik dengan semua negara berasaskan konsep hidup bersama — peaceful co-existence — menghormati kedaulatan dan keutuhan wilayah kita, juga tidak champor tangan dalam urusan rumah-tangga masing2.

Ini-lah prinsip2 yang menjadi panduan kita dan atas landasan ini-lah saya perchaya serta berharap hubungan diplomatik akan menjadi kenyataan kelak. Tetapi saya ingin mengingatkan Dewan ini ia-itu dalam merumuskan serta menjalankan dasar luar negeri kita tidak boleh berteori sa-mata2. Sa-balek-nya, kita hendak-lah berdiri di-bumi nyata, melihat dan menerima keadaan yang sa-benar bukan apa yang di-agak2 atau yang kita ingini. Hanya dengan demikian, kita dapat menjalankan dasar2 Kerajaan untuk menjamin kedaulatan dan keutuhan negara yang kita kasehi ini.

Saperti yang sudah saya terangkan, dasar luar negeri kita berlandaskan prinsip2 hidup bersama dan berbaik2 dengan semua negara yang ingin bersahabat tanpa mengira ideoloji politik mereka. Akan tetapi, saya rasa perlu menegaskan di-sini bahawa urusan dalam negeri ia-itu urusan rumah-tangga kita ada-lah hak dan tanggungjawab kita sendiri. Saperti yang di-ma'alum, garis panduan atau ideoloji negara kita termaktub dalam Ru-



kunegara dan kita tidak sa-kali2 ingin sa-siapa juga memaksakan ideoloji asing ka-atas kita.

## DASAR DALAM NEGERI

Pendek kata, dalam melaksanakan dasar dalam negeri, kita tetap berjaga2 terhadap angkara Parti Komunis Malaya. Di-samping itu kita tetap menghormati sa-penoh-nya hak negara2 lain menganut ideoloji mereka, menjalankan chara hidup mereka sendiri menurut sistem sosial dan ekonomi-nya, dengan tidak di-halang oleh sa-siapa.

Buat kita tidak-lah sa-kali2 berniat hendak mengubah chara hidup orang lain supaya mencontohi kita dan begitu-lah pula sa-balek-nya kita tidak ingin sa-siapa pun menyentoh hak asasi kita. Jadi kesimpulan-nya dasar luar kita ingin bersahabat dengan semua negara tanpa mengira ideoloji politik atau sistem ekonomi mereka itu tidak-lah berchallengah dengan tanggungjawab rumah-tangga kita menentang Komunis militan.

Saya ingin mengingatkan jangan-lah hendak-nya sa-siapa menyalah-hitongkan tanggungjawab yang besar ini. Kita telah merasa sekian lama pengalaman pahit di-sebabkan oleh angkara Parti Komunis Malaya. Pengalaman masa dharurat sa-lama 12 tahun itu tentu tidak dapat di-lupakan bermula sa-bagai apa yang di-katakan perjuangan anti-kolonial menentang penjajah tetapi kemudian-nya terdedah merupakan gara2 anti-nasional oleh anasir2 anti-nasional.

Tidak lama sa-lepas itu kita menghadapi konfrantasi yang di-datangi oleh anasir2 Komunis Indonesia. Hingga masa ini pun pasokan2 keselamatan kita maseh menjalankan gerakan di-perbatasan dengan Thailand dan juga di-Sarawak, di-mana nam-pak-nya masa akhir2 ini kegiatan2 mereka bertambah militan dan sa-olah2 putus asa. Saya mengulangi keazaman Kerajaan

menentang ancaman Komunis itu dan sentiasa berjaga-jaga mengawal keadaan dalam negeri.

## KEPERLUAN UTAMA

Bagaimana pun, langkah-langkah yang kita ambil untuk memenuhi tanggungjawab urusan rumah-tangga kita tidak-lah pula mengurangkan keyakinan kita mengenai konsep perkecualian atau neutralization sa-bagai jalan keluar yang kekal dan terbaik bagi menjamin keselamatan dan kesetabilan Asia Tenggara. Kita sendiri sedar ini ada-lah penyelesaian jangka panjang — long-term solution — dan kerana itu menghendaki penerimaan kuasa-kuasa besar dan juga semua negara-negara dalam rantau ini. Jadi tegasnya negara-negara di-rantau ini hendak-lah menyelesaikan masalah dalam rumah-tangga mereka terlebih dahulu, kemudian bersama-sama menyelesaikan punca-punca ketegangan dan pertelingkahan sa-sama mereka dan sa-terus-nya berusaha mempereratkan hubungan kerjasama dan perpaduan antara kita di-rantau ini. Saperti yang telah saya terangkan, sokongan dari kuasa-kuasa besar hanya akan di-peroleh sa-kiranya kita membuktikan kepada mereka peratoran baru ini terus menjamin hak-hak kepentingan mereka masing-masing.

Di-masa-masa yang baru lepas, saya telah juga memberi tahu Dewan tentang kemajuan dalam usaha-usaha kita mendapatkan sokongan kepada konsep neutralization ini. Saya masih ingat sa-masa saya mula-mula mengemukakan gagasan ini, pada 'am-nya terdapat sikap kurang perchaya — general scepticism. Ada yang menganggap-nya tidak realistik, satu impian dan berbagai-bagai lagi. Tetapi kita tidak berputus asa bahkan saya mengambil sa-peluang-h2 kesempatan menerangkan-nya konsep ini sa-masa lawatan-lawatan rasmi saya keluar negeri, juga sa-masa lawatan pembesar-pembesar negara-negara asing ka-sini, dan sa-terus-nya menerusi saluran-saluran diplomatik.

## REALISTIK

Dari usaha-usaha ini, Ahli-ahli Dewan patut-nya sedar bahawa usul

ini mendapat perhatian yang sa-makin meluas dan sambutan yang baik terutama dalam beberapa bulan ini. Sa-sunggoh-nya dengan ada-nya pertukaran2 pendapat antara Republik Ra'ayat China dan Amerika Sharikat baru2 ini nyata-lah bahawa dasar kita ini bukan-lah sa-suatu yang idealistik bahkan sa-benar-nya amat realistik dengan keadaan hari ini.

Pendek kata, analisa kita di-buktikan oleh perkembangan2 dan peristiwa2 terakhir, dan gagasan ini beransor2 di-terima sa-bagai satu chara penyelesaian yang paling baik untok menjamin keamanan dan kesetabilan rantau ini di-tahun2 akan datang.

### **DASAR PERTAHANAN**

Sementara kita memandang ka-hadapan, tidak-lah boleh kita mengeneipikan perkara2 dan bahaya2 terpendam yang mendesak perhatian Kerajaan. Saya akan di-persalahkan kerana chuai menunaikan tanggungjawab sa-kira-nya kita tidak mengambil langkah2 yang mustahak bagi pertahanan negara. Oleh itu, sa-rentak dengan usul mengenai perkechualian, kita juga mengambil tindakan2 perlu di-bidang ketenteraan untok menjamin keselamatan negara.

Saya hendak mengulangi lagi di-sini ia-itu landasan dasar pertahanan kita ia-lah berdikari atau self-reliance dan dengan kerana itu kita akan berbuat sa-berapa daya bagi memperkuatkan angkatan tentera kita. Di-samping itu kita mengambil langkah2 bekerjasama dengan jiran2 tetangga kita ia-itu Indonesia dan Thailand, menjalankan gerakan di-perbatasan menentang musoh2 bersama itu.

Saperti yang di-ma'alumkan oleh Dewan ini, Peratoran2 Pertahanan Lima Negara telah pun di-persetujui dalam Persidangan di-London bulan April lepas, yang mana membolehkan kita meminta bantuan rakan2 sekutu andai kata berlaku pencherobohan atau pun anchaman dari luar.

Izinkan-lah saya mengambil masa sedikit untuk menerangkan kepada Dewan ini bahawa Peratoran Pertahanan Lima Negara ini tidak sama sa-kali berchangghah dengan konsep perkechualian atau pun dengan non-alignment. Saperti yang saya telah terangkan, konsep perkechualian ini ia-lah matalamat jangka panjang atau long-term objective yang sedang kita usahakan, sementara Peratoran Lima Negara ini ia-lah untuk tujuan memenuhi keperluan pertahanan kita.

Peratoran2 baru ini berupa defensive — atau sa-mata2 untuk perlindungan, dan tidak di-tujukan kepada sa-siapa atau sa-barang ideoloji. Tambahan pula, Peratoran ini bukan-lah di-buat dalam hubungan persaingan kuasa2 besar atau great power rivalries. Saya sukachita menyatakan bahawa negara2 berkechuali atau non-aligned memahami sa-penoh-nya bentok-chorak Peratoran pertahanan ini dan menerima-nya dengan puas hati kerana tidak bertentangan dengan dasar non-aligned itu.

## MASHARAKAT ASIA TENGGARA

Akhir sa-kali, saya suka menarek perhatian Ahli2 Dewan kepada rangka bidang asas di-mana kita mengambil sa-suatu ketetapan mengenai dasar luar negeri. Dalam kita menimbangkan persoalan2 dasar luar negeri, tidak-lah sa-harus-nya kita terlalu terpengaruh dengan soal2 dan peristiwa2 yang baru berlalu. Kita mesti-lah mempunyai “sense of history” — pengertian sejarah dan berpandu pada pandangan masa depan. Kita mesti-lah sedar dan memahami peristiwa2 masa lalu bukan sa-pakat sa-puluh atau dua puluh tahun yang silam tetapi menjangkau serta meliputi seluroh proses dan detik2 penting sejarah yang melibatkan negara2 sa-keliling kita.

Hanya dengan chara ini kita benar2 dapat melihat kebulatan dan pertalian perkembangan2 hari depan yang membolehkan kita berusaha menchapai satu objektif yang nyata dan ter-

tentu, yang jalin menjalin dengan keputusan2 lain dalam bidang itu. Bagi kita di-Malaysia, pandangan jauh ia-lah pembentokan masharakat Asia Tenggara atau Community of South-East Asia. Semenjak kita mencapai kemerdekaan, kita terus menerus mengemukakan konsep kerjasama sa-rantau bahkan kita berbangga menjadi perintis ka-arrah itu. Tidak-lah perlu saya katakan sa-chara panjang lebar langkah2 yang telah di-jalankan baik menerusi usaha2 bilateral mahu pun multi-lateral untuk menempa perasaan persafahaman dan kerjasama sa-rantau, memupok semangat perpaduan dan setiakawan antara negara2 di-Asia Tenggara ini.

### TUGAS MASA DEPAN

Bila kita pandang peta benua Asia, dapat-lah di-lihat bahawa rantau Asia Tenggara ini merupakan dengan nyata satu daerah kesatuan yang tali bertali dan mempunyai nasib sejarah yang sama, yang menghalang-nya dari memainkan peranan yang sa-penoh-nya. Sekarang berkat usaha kita mengukuhkan tali persahabatan dengan negara2 lain di-rantau ini dan menggalakkan kerjasama dan persafahaman yang lebeh erat antara sa-sama kita sambil membentok satu chorak perhubungan dengan kuasa2 yang baru munchul di-zaman tujuh puluhan ini, kita akan sentiasa berpandu kepada pandangan jauh mendirikan masharakat Asia Tenggara yang benar2 dapat memainkan peranan dan menentukan haluan bahtera-nya di-masa hadapan.


Melihat keadaan sa-keliling hari ini, kedapatan batu2 tanda yang lama telah lenyap dari pandangan; sa-tengah2-nya dengan tidak di-sedari oleh kita dan yang lain2 sa-chara terang2an dan dramatik. Keadaan ini mendesak kita supaya lebeh tangkas dan bersedia sa-masa merumuskan dasar luar negeri dalam suasana yang sekiranya bergolak dan berubah. Saya harap dengan penjelasan ini Ahli2 Dewan akan memahami benar2 keutamaan2, arah bahu dan momantum dasar luar kita dalam hubongannya dengan perkembangan2 di-rantau ini.







PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



PUSTAKA  
**PERDANA**  
LIBRARY



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

Di-terbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan dan  
di-cetak oleh Perchetakan Solaj, Petaling Jaya.